

UNIT 25

AHLI SAINS BERTARAF DUNIA

MENULIS

3.7.1 Menulis perenggan yang kohensi dan koheren dengan betulnya



Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad merupakan seorang ahli sains bertaraf dunia. Kejayaan beliau dalam menghasilkan pelbagai jenis kajian amat membanggakan rakyat Malaysia. Maka tidak hairanlah beliau mendapat pengiktirafan di pentas antarabangsa dan seterusnya mengharumkan nama negara di persada dunia.

Beliau dilahirkan di Beranang, selangor pada 4 Januari 1967. Beliau merupakan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia serta Dekan Penyelidikan, Sains Fundamental Universiti Sains Malaysia.

Antara kejayaan Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad ialah menjalankan kajian dan penyelidikan bagi merawat air sisa kilang kelapa sawit dengan menggunakan teknologi membran. Tujuan beliau melakukan kajian tersebut adalah untuk mengurangkan kadar pencemaran sungai disebabkan oleh sisa kilang sawit. Hasil kajian dan penyelidikan beliau ini seterusnya akan menyelamatkan kehidupan yang berada di dalam sungai.

Beliau diiktiraf sebagai seorang ahli saintis dunia yang mempunyai minda saintifik paling berpengaruh di dunia oleh Agensi Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Merdeka 2014. Kejayaan yang diperolehi oleh beliau ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia juga mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang penyelidikan.

Kesimpulannya kejayaan Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad ini perlu dijadikan sumber inspirasi kepada kita. Dengan usaha yang gigih dan berterusan tidak mustahil sesuatu kejayaan dapat dikecapi dengan mudah.